

BANK ISLAM CATAT KEUNTUNGAN BERSIH RM253.0 JUTA BAGI 1H2025

Kebolehsuaian dan tumpuan strategik pada pengalaman pelanggan untuk memperkuuh kekuatan jangka panjang dan pertumbuhan masa hadapan

SOROTAN UTAMA

- Kumpulan mencatatkan keuntungan bersih RM253.0 juta pada 1H2025.
- Jumlah Pendapatan Bersih meningkat 9.9% kepada RM1.4 bilion, didorong oleh peningkatan lebih 65% tahun ke tahun (y-o-y) dalam pendapatan bukan berdasarkan dana dan pertumbuhan kukuh dalam pembiayaan.
- Jumlah Aset meningkat 7.0% y-o-y kepada RM99.5 bilion, dipacu oleh pertumbuhan 6.4% y-o-y dalam pembiayaan kasar dan pelaburan lebih tinggi dalam sekuriti.
- Deposit pelanggan dan akaun pelaburan mencatat pertumbuhan kukuh iaitu sebanyak 5.4% y-o-y, disokong oleh komposisi akaun semasa, simpanan dan pelaburan transaksi (CASATIA) sihat pada 35.2%.
- Kumpulan mengekalkan kedudukan modal yang teguh dengan Nisbah Jumlah Modal pada 20.3%.
- Bank Islam sedang dalam fasa peralihan untuk menyelaraskan operasi bagi meningkatkan kecekapannya.
- Memberi tumpuan pada penyatuan sumber untuk mengoptimumkan prestasi dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan pelanggan.

KUALA LUMPUR, Isnin, [25 Ogos 2025]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mencatatkan prestasi berdaya tahan dalam keadaan pasaran yang semakin mencabar untuk enam bulan berakhir pada 30 Jun 2025 (1H2025).

Kumpulan mencatatkan penyusutan keuntungan bersih y-o-y sebanyak 5.9%, kepada RM253.0 juta, berbanding tempoh sama pada 2024. Sebahagian besarnya dipengaruhi oleh kenaikan jumlah overhead, peruntukan bersih pembiayaan terjejas dan kos pembiayaan.

Overhead bagi 1H2025 berkembang 10.6% kepada RM830.8 juta ekoran usaha Kumpulan untuk terus melabur dalam inisiatif modal insan, digital dan teknologi. Sementara itu, peruntukan bersih untuk pembiayaan terjejas dan pendahuluan naik 57.6%, kebanyakannya disumbangkan oleh peningkatan pembiayaan terjejas bersih baharu. Pada masa sama, kos pembiayaan kredit bertambah 0.35%

Walaupun berlaku peningkatan dalam pembiayaan terjejas baharu, Kumpulan tetap mengekalkan kualiti aset yang kukuh dengan nisbah pembiayaan terjejas kasar berada pada tahap 1.05% setakat akhir Jun 2025, jauh lebih rendah berbanding purata industri sebanyak 1.42%.

Didorong oleh peningkatan kukuh 9.9% pendapatan bersih y-o-y berjumlah RM1.4 bilion bagi tempoh di bawah kajian, Bank Islam turut merekodkan pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 66.5% dalam pendapatan bukan berdasarkan dana, mencecah RM291.9 juta. Pencapaian ini disokong oleh peningkatan pendapatan fi dan komisen, keuntungan bersih

lebih tinggi daripada hasil penjualan sekuriti pelaburan serta pengukuhan pendapatan daripada urus niaga pertukaran asing.

Pertumbuhan pendapatan bersih turut disokong peningkatan 4.9% pendapatan berdasarkan dana, meningkat kepada RM2.2 bilion bagi 1H2025. Ia dipacu oleh pertumbuhan y-o-y dalam pembiayaan dan sekuriti pelaburan. Seiring dengan prestasi kukuh yang dicatatkan, jumlah aset Kumpulan meningkat 7.0% y-o-y kepada RM99.5 bilion setakat akhir Jun 2025, manakala aset bersih sesaham bernilai RM3.50.

Pertumbuhan kukuh dalam pembiayaan kasar y-o-y oleh Perbankan Runcit Kumpulan dan Perbankan Institusi Kumpulan, dengan masing-masing mencatat 5.7% dan 8.7%, telah mendorong jumlah pembiayaan kasar Kumpulan kepada RM72.5 bilion, menandakan peningkatan keseluruhan 6.4%.

Pertumbuhan tersebut disokong oleh peningkatan deposit pelanggan dan akaun pelaburan yang meningkat 5.4% y-o-y kepada RM82.7 bilion. Setakat Jun 2025, jumlah akaun semasa, simpanan dan akaun pelaburan transaksi (CASATIA) berada pada RM29.1 bilion, mencerminkan komposisi sihat pada 35.2%. Pada masa sama, pendapatan bersih berdasarkan dana mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 0.6% kepada RM1.1 bilion.

Prestasi ini diterjemahkan kepada Pendapatan Sesaham (EPS) 11.16 sen dan Pulangan atas Ekuiti (ROE) bersih tahunan 7.1%. Nisbah Modal Keseluruhan kekal kukuh pada paras 20.3% setakat 30 Jun 2025, mencerminkan kedudukan modal Kumpulan yang kukuh dan daya tahan kewangan yang berterusan.

Mengulas mengenai prestasi yang dicatatkan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sungguhpun persekitaran operasi mencabar, Kumpulan terus menunjukkan prestasi kewangan berdaya tahan, mencerminkan ketangkasian serta pendekatan berdisiplin dalam mendepani persaingan yang semakin sengit dalam sektor kewangan.

Kumpulan kini berada dalam fasa peralihan, dengan menambah baik operasinya melalui pengurangan pertindihan serta penyatuan sumber bagi meningkatkan kecekapan. Pada masa sama, usaha pengoptimuman cawangan sedang giat dilaksanakan bagi memantapkan kehadiran pasaran selain menyediakan pengalaman perbankan yang lebih konsisten, dipercayai dan lancar kepada pelanggan di semua saluran.

"Sejajar dengan langkah-langkah ini, Bank Islam terus melabur secara strategik dalam teknologi, infrastruktur dan inovasi bagi memastikan perniagaan kami bersedia menghadapi keperluan masa hadapan. Penambahbaikan terhadap platform digital dan pemodenan keupayaan operasi yang dilaksanakan bertujuan untuk membina daya tahan, mempertingkat penyampaian perkhidmatan serta meletakkan Kumpulan pada kedudukan lebih baik untuk merebut peluang baharu dalam landskap kewangan yang pesat berubah," jelas beliau.

Bank Islam kekal komited untuk memberikan pulangan kompetitif kepada para pemegang sahamnya, di samping terus melabur dalam inisiatif yang menyokong pertumbuhan jangka panjang. Mohd Muazzam menegaskan bahawa setiap peningkatan dalam kecekapan operasi mesti seiring dengan usaha untuk menyampaikan nilai bermakna kepada pelanggan Kumpulan.

"Dengan berakhirnya pelan hala tuju strategik lima tahun Bank Islam (LEAP25) pada tahun ini, Kumpulan telah mengambil peluang untuk menilai semula perjalanan, mengambil pengajaran serta mengenal pasti bidang-bidang kritikal yang memerlukan penambahbaikan.

Hasil ini menjadi asas kukuh bagi fasa pertumbuhan seterusnya dengan Kumpulan berusaha memperhalusi strategi, memperkuatkan fokus perniagaan dan menyampaikan nilai mampan kepada pelanggan serta pemegang taruh. Peralihan ini juga selaras dengan aspirasi Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) dan Pelan Tindakan Sektor Kewangan Malaysia 2022–2026 yang mengiktiraf industri kewangan Islam sebagai pemangkin kepada pembelagai ekonomi, inovasi dan pertumbuhan inklusif,” katanya.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan